

**GARIS PANDUAN DAN PELAKSANAAN SIFAR PLASTIK SEKALI GUNA (*ZERO SINGLE-USE PLASTICS*) DI UNIVERSITI MALAYA**  
**(FASA 1: PENGGUNAAN BOTOL KACA, JAG AIR DAN SEUMPAMANYA**  
**DI SEMUA PORTFOLIO DAN PUSAT TANGGUNGJAWAB)**

**1.0 TUJUAN**

Garis Panduan dan Pelaksanaan Sifar Plastik Sekali Guna (*Zero Single-Use Plastics*) di Universiti Malaya bagi Fasa 1: penggunaan botol kaca, jag air dan seumpamanya ini disediakan bertujuan sebagai panduan asas bagi tindakan pematuhan yang melibatkan semua Portfolio dan Pusat Tanggungjawab (PTj) di Universiti Malaya. Tatacara ini juga bertujuan menyediakan panduan kepada semua pihak bagi pelaksanaan inisiatif secara bersepadu dan bersifat holistik.

**2.0 LATAR BELAKANG**

Universiti Malaya amat serius dalam usaha menangani isu pencemaran plastik terutamanya melalui penggunaan plastik sekali guna yang memberi kesan kepada alam sekitar, kesihatan awam, dan ekonomi negara.

Pusat Pembangunan Lestari Universiti Malaya (UMSDC) melalui Pejabat Penolong Naib Canselor (Strategik Korporat) - PNC (SK) diberi tanggungjawab untuk mengenal pasti strategi pengurangan penggunaan plastik sekali guna yang boleh dilaksanakan di Universiti Malaya.

Penggantian botol plastik sekali guna terutamanya air mineral kepada penggunaan botol kaca, jag air dan seumpamanya secara berperingkat ini adalah antara strategi yang dikenal pasti bagi pengurangan penggunaan plastik sekali guna di Universiti Malaya.

Penggunaan alternatif ini secara berskala besar merupakan salah satu strategi pantas (*low-hanging fruit*) dan berpotensi memberi impak besar kepada Universiti Malaya sebagai kampus lestari serta selari dengan aspirasi Universiti

Malaya ke arah kampus neutral karbon pada tahun 2030 dan sifar bersih menjelang tahun 2050.

Pusat Pembangunan Lestari Universiti Malaya (UMSDC) telah memulakan inisiatif ini bermula pada Januari 2024 secara kecil-kecilan. Inisiatif ini merupakan kesinambungan kepada pelaksanaan *Universiti Malaya Action Plan on Single-Use Plastics and Disposable Items Reduction (2022)* dan garis panduan ini diadakan agar inisiatif ini dapat dilaksanakan secara lebih strategik, menggunakan pendekatan '*whole campus approach*', dan membangunkan salah satu daripada tiga teras baharu Universiti Malaya iaitu '*Communitize UM*'.

Inisiatif ini juga mampu memberi impak positif ke atas penarafan universiti di peringkat antarabangsa seperti *UI GreenMetric World University Ranking (UIGM)*, *QS World University Rankings – Sustainability*, dan *Times Higher Education (THE) Impact Rankings*. Inisiatif ini selari dengan aspirasi universiti dan negara seperti berikut:

Peringkat Universiti Malaya iaitu *Universiti Malaya Sustainability Policy (2021 - 2030)*, serta *Policy on Single-Use Plastics Banning and Food Waste Separation at Cafeteria / Food Premises UM (2019)*.

Peringkat kebangsaan iaitu *Malaysia's Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics (2018-2030)* dan *Malaysia Plastics Sustainability Roadmap (2021-2030)*.

### **3.0 OBJEKTIF**

Objektif utama pelaksanaan program ini adalah seperti berikut:

- (a) Mengurangkan kuantiti penggunaan botol air minuman (air mineral) plastik di Universiti Malaya;

- (b) Meningkatkan kesedaran komuniti kampus dalam memelihara alam sekitar sekaligus menyokong usaha pembudayaan gaya hidup dan kepenggunaan lestari;
- (c) Meminimumkan sebahagian daripada punca pencemaran dan penggunaan bahan-bahan plastik yang mengundang kemudaratan kepada kesihatan komuniti kampus dan ekosistem secara keseluruhan.

#### **4.0 DEFINISI DAN KONSEP**

Penggunaan botol kaca, jag air dan seumpamanya digunakan semasa mesyuarat, majlis rasmi serta program / aktiviti PTj bagi menggantikan botol plastik air mineral.

Majlis rasmi dan program / aktiviti ini merangkumi semua peringkat daripada pihak pengurusan, PTj, universiti, kebangsaan, dan antarabangsa

Majlis rasmi dan program / aktiviti ini termasuk majlis keraian, persidangan, konvensyen, seminar, simposium, bengkel, latihan dan acara pelancaran / peluncuran atau penutup.

#### **5.0 KAEDAH PEMATUHAN DAN PEMANTAUAN**

Pusat Pembangunan Lestari Universiti Malaya dengan kerjasama koordinator lestari yang dilantik oleh semua portfolio dan pusat tanggungjawab (PTj) di bawah pengurus fakulti / pusat tanggungjawab bagi memantau pematuhan garis panduan ini.

Pusat Pembangunan Lestari Universiti Malaya berhak dan diberikan autoriti oleh pihak pengurusan Universiti Malaya untuk mengeluarkan surat tunjuk sebab sekiranya masih terdapat PTj tidak mematuhi garis panduan ini.

#### **6.0 KAEDAH PELAKSANAAN**

##### **6.1 PENYEDIAAN SUMBER AIR**

- Semua portfolio dan pusat tanggungjawab (PTj) perlu mempunyai mesin air (*Coway, Cuckoo, Reverse Osmosis Water dispenser, dll.*) tersendiri di pejabat, bilik mesyuarat, pantri bagi memudahkan pengisian semula air.
- Memastikan sumber air yang digunakan bersih dan selamat.
- Sumber air yang diambil bagi mesin air perlu dari sumber yang bersih bukan daripada paip tandas bagi mengelakkan pencemaran silang.
- Pastikan mesin air diselenggarakan secara berkala bagi mengelakkan daripada pencemaran.

## **6.2 PELUPUSAN**

- Botol, jag air dan seumpamanya yang diperbuat daripada kaca mahupun ceramik yang telah rosak, pecah atau sumbing, hendaklah dibuang dengan cermat dan baik.
- Serpihan kaca yang pecah perlu dibungkus kemas dengan kertas/ kotak bagi mengelakkan risiko kecederaan.
- Botol, jag air dan seumpamanya yang telah rosak atau pecah perlu dibuang ke dalam tong kitar semula bagi tujuan kitar semula atau dihantar ke *Pusat Zero Waste Centre* (berhampiran Pintu Damansara).

## **6.3 KESELAMATAN**

- Pastikan sumber air dan mesin air sentiasa dalam keadaan bersih dan penyelenggaraan berkala.
- Pastikan botol kaca, jag air dan seumpamanya juga dalam keadaan bersih.
- Memastikan botol kaca, jag air dan seumpamanya ditutup rapat bagi mengelakkan sebarang pencemaran.

## **6.4 PENTADBIR DAN VENDOR**

- Pentadbir di portfolio dan PTj perlu memastikan garis panduan ini dipatuhi semasa penempahan makanan dan minuman bagi mesyuarat, majlis rasmi serta program / aktiviti PTj.

- Bagi aktiviti berskala besar mahupun penyertaan yang tinggi, pentadbir boleh menempah air dalam bekas air bersaiz besar bagi mengurangkan penggunaan plastik sekali guna.
- Garis panduan ini juga digunapakai kepada penganjuran program luar dengan kerjasama Universiti Malaya atau yang diadakan di premis Universiti Malaya (bagi program melibatkan sewaan premis tanpa penglibatan Universiti Malaya). Pentadbir perlu memastikan bahawa penganjur mengikuti garis panduan ini.
- Pentadbir boleh merujuk kepada Pusat Pembangunan Lestari Universiti Malaya (UMSDC) bagi mendapatkan nasihat.

## **6.5 KECEMASAN**

- Sekiranya berlaku kecemasan dan situasi luar kawalan/jangka seperti gangguan bekalan air, kerosakan mesin air, portfolio dan pusat tanggungjawab diberi kelonggaran untuk menggunakan botol plastik tetapi sebaik-baiknya dielakkan. Bagi kes seumpama ini, penggunaan botol plastik perlu diminimumkan mengikut keperluan sahaja.
- Pihak portfolio dan pusat tanggungjawab perlu memastikan bahawa botol plastik tersebut dikitar semula dengan betul.

## **PENUTUP**

Garis Panduan dan Pelaksanaan Sifar Plastik Sekali Guna (Zero Single-Use Plastics) di Universiti Malaya diwujudkan selari dengan aspirasi Universiti Malaya ke arah kampus neutral karbon pada tahun 2030 dan sifar bersih menjelang tahun 2050. Universiti Malaya berhak meminda dan menambah baik garis panduan ini berpandukan kepada keperluan polisi terkini yang akan disemak dari semasa ke semasa.